

BERITA HARIAN

DATE: 07/04/2008

Nafi teguran berniat jahat, rosakkan parti

L ANGKAWI: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menafikan teguran dan nasihatnya kepada kepimpinan parti sekarang mempunyai agenda tersembunyi, berniat jahat serta bertujuan merosakkan Umno.

Beliau berkata, kritikan membina yang ditujukan kepada kepimpinan Umno hanya mahu mengikis gejala tidak sihat yang ada dalam parti itu demi kesejahteraan politik dan sosial, khususnya Barisan Nasional (BN).

"Saya yakin nasihat dan teguran saya adalah betul. Terpulang kepada mereka hendak mendengar atau sebaliknya.

"Saya lakukan semua ini (membuat teguran) dengan niat mahu memperkukuhkan Umno," katanya selepas menghadiri majlis bacaan Yasin dan tahlil untuk kakaknya Allahyarham Habsah Mohamad di Kampung Ranggut, di sini, malam kelmarin.

Isteri beliau, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Ahli Parlimen Langkawi, Datuk Paduka Abu Bakar Taib adalah antara lebih 150 tetamu hadir pada majlis yang berlangsung di pekarangan sebuah kampung itu.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta menyalas laporan akhbar kelmarin bertubung kekecewaan menteri Kabinet dan pemimpin Umno terhadap kritikan berterusan beliau kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Kelmarin, Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Shabery Cheek dilaporkan berkata, di sebalik kritikan lantang Dr Mahathir, beliau sebenarnya ialah individu yang menghancurkan Umno kerana memperkenalkan pelbagai peraturan tidak demokratik, termasuk menghalang Presiden dan Timbalan Presiden dicabar.

Ahmad Shabery juga dilaporkan berkata, Umno 'dicekik dan dilemaskan' sedikit demi sedikit ketika zaman Dr Mahathir menjadi Presiden sehingga menyebabkan parti itu diharamkan pada 1988.

Terdahulu, ketika berucap pada pada majlis itu, Dr Mahathir berkata, umat Islam di negara ini perlu bersyukur dengan nikmat keamanan dan kemakmuran.